

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

Cadangan Pembinaan Garis Panduan Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan
Islam Sekolah Rendah

Proposed Guidelines For Developing Student Character Through E-Learning In Islamic Education For
Primary Schools

Nur Eliza Mohd Noor*, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim** & Yusmini Md. Yusoff***

Article Information	ABSTRACT
<i>Received:</i> 08.11.2024	<p>E-pembelajaran atau konsep pembelajaran secara dalam talian merupakan pendekatan baharu dalam pengendalian proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan di Malaysia. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengaplikasian e-pembelajaran bagi menggantikan sesi pembelajaran bersemuka secara fizikal di dalam kelas memberikan beberapa implikasi kepada perkembangan sahsiah murid. Ketiadaan garis panduan e-pembelajaran yang khusus dari aspek pembinaan sahsiah murid menyebabkan guru kurang bersedia dan kurang berpuas hati dengan perkembangan sahsiah murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui medium e-pembelajaran. Garis panduan e-pembelajaran yang sedia ada kebanyakannya lebih tertumpu kepada pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi. Namun begitu, walaupun garis panduan e-pembelajaran sedia ada telah dikeluarkan namun, didapati pelajar-pelajar masih gagal untuk mengikuti garis panduan tersebut sebagai warga digital yang betul. Ini menunjukkan masih terdapat kelompangan dari segi garis panduan e-pembelajaran sedia ada dalam menjadikan pelajar sebagai warga digital yang berhemah. Oleh itu, dengan menggunakan perisian Nvivo versi 1.7, kajian ini dijalankan terhadap Guru Pendidikan Islam sekolah rendah untuk mengkaji sejauh mana garis panduan e-pembelajaran sedia ada membantu mereka dalam melaksanakan tanggungjawab membina sahsiah murid melalui pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah secara dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan dalam membuat penambahbaikan garis panduan sedia ada bagi tujuan pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan permasalahan dan isu-isu yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan e-pembelajaran. Oleh itu, diharapkan cadangan garis panduan pembinaan sahsiah murid sekolah rendah dalam pengaplikasian e-pembelajaran Pendidikan Islam dapat memberi informasi terbaharu kepada guru Pendidikan Islam khususnya yang bertanggungjawab dalam membentuk sahsiah murid.</p>
<i>Accepted:</i> 13.12.2024	
	<p>Keywords: Garis Panduan, Pembinaan Sahsiah, E-pembelajaran, Pendidikan Islam</p>
	<p>E-learning, or the concept of online learning, represents a new approach to conducting teaching and learning processes in educational institutions in Malaysia. Previous studies have shown that the application of e-learning as a replacement for traditional face-to-face learning in physical classrooms has had several implications for students' character development. The absence of specific e-learning guidelines focusing on character building has resulted in teachers feeling less prepared and dissatisfied with the character development of students during the teaching and learning process conducted through e-learning mediums. Existing e-learning guidelines primarily focus on students at the higher education level. However, even though e-learning guidelines have been established, students often fail to adhere to these guidelines as responsible digital citizens. This indicates gaps in the existing e-learning guidelines in cultivating students as ethical digital citizens. Hence, by using Nvivo version 1.7 software, this study investigates how the existing e-learning guidelines assist Islamic Education teachers in primary schools in fulfilling their responsibilities to develop students' character through online Islamic Education learning. The findings indicate a need for improvements to the existing guidelines to better support character development through e-learning in Islamic Education, based on the challenges and issues faced by teachers during implementation. Therefore, it is hoped that the proposed guidelines for character</p>

*PhD Candidate at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: nr.elisa1987@gmail.com.

**Associate Professor at the Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: tgsarina@um.edu.my.

***Associate Professor at the Department of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: yusmini@um.edu.my.

building among primary school students in the application of e-learning for Islamic Education will provide updated information to Islamic Education teachers, especially those responsible for shaping students' character.

Keywords: Guidelines, Character Development, E-Learning, Islamic Education.

Citation Information: Mohd Noor, N. E., Tengku Kasim, T. S. A., & Md. Yusoff, Y. (2024). Cadangan pembinaan garis panduan pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran pendidikan Islam sekolah rendah. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 21-29.

1. PENGENALAN

Platform e-pembelajaran merupakan salah satu platform yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam bagi merealisasikan pendidikan digital dalam pembelajaran abad ke-21. Sepatutnya pembelajaran melalui platform e-pembelajaran menjadikan proses pembelajaran berlaku dengan lebih mudah dan berkesan dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memberi penekanan terhadap dasar pendidikan dalam melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Syahirah Rosli et.al., 2022). Hal ini kerana, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bermatlamat membantu murid dalam memahami seluruh tajuk dan kandungan dalam Pendidikan Islam terutama yang berkaitan dengan sahsiah dan akhlak. Namun sebaliknya apabila Mohd Amirul Bashah dan Hafizhah Zulkifli (2022) mendapati timbul pula masalah pembentukan akhlak pelajar ketika mengaplikasikan pendidikan berasaskan teknologi semasa Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc). Seharusnya, generasi pada hari ini perlu diberi bimbingan dalam menggunakan media dan teknologi dengan cara yang betul terutama dari aspek pembelajaran agama Islam mereka. Seiring dengan hasrat transformasi dalam pendidikan menuju ke status negara maju, bagi membendung masalah berkaitan akhlak murid yang menjadi isu dan cabaran dalam era globalisasi ini, semua pihak terutama guru perlu memastikan kemenjadian murid menjadi perkara utama yang perlu dicapai. Justeru, pembinaan garis panduan mahupun penambahbaikan kepada garis panduan sedia ada perlu dilakukan agar ia bertujuan membantu guru dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

2. GARIS PANDUAN E-PEMBELAJARAN

Pada masa kini, ramai ahli akademik menggunakan internet sebagai alat pembelajaran yang juga dikenali sebagai pembelajaran elektronik (*e-learning*). Melalui e-pembelajaran ini, proses pengajaran dan pembelajaran boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja serta memudahkan akses kepada kandungan pembelajaran secara dalam talian dan maklum balas terhadap segala aktiviti pembelajaran boleh diberikan secara automatik. Kemajuan teknologi dalam pendidikan ini sebenarnya mampu meningkatkan kualiti pembelajaran apabila ia digunakan dengan bijak untuk tujuan pendidikan (Nur Afni Lubis & Imelda Wahyuni, 2021). Namun begitu, sekiranya teknologi ini tidak digunakan dengan bijak, ia akan memberi kesan kepada akhlak remaja pada masa kini yang akhirnya menjadi punca kebimbangan masyarakat terutama ibu bapa. Antara kebimbangan tersebut adalah dari segi penggunaan teknologi yang tidak terkawal yang akan memberi impak negatif kepada perkembangan diri seorang pelajar seperti kemerosotan prestasi akademik (Naquiah Nahar et al., 2018). Selain itu, Suriana Che Awang dan Khadijah Alavi (2019) juga turut mengenal pasti bahawa penggunaan media teknologi yang tidak terkawal turut memberi kesan kepada mental seperti isu buli siber, sehingga terdapat para pelajar yang mengalami masalah emosi dan kemurungan. Sebagai contoh menurut Amirul Ashraaf Norman dan Nooraini Othman (2020), kesan perkembangan teknologi telah membawa kepada ketagihan pornografi sehingga mengganggu prestasi pembelajaran mereka. Manakala Nur Hidayah Baharudin dan Noor Banu Mahadir Naidu (2021) pula menyatakan bahawa terdapat banyak elemen negatif dalam mempraktikkan pembelajaran digital atau pembelajaran berasaskan teknologi ketika perkongsian maklumat berlaku. Walhal e-pembelajaran juga adalah salah satu platform dan alatan pembelajaran digital yang banyak digunakan pada masa kini (Abdul Bujang et.al, 2020).

Justeru, ketiadaan garis panduan khusus berkenaan pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran berkemungkinan menyebabkan guru kurang bersedia dan kurang berpuas hati dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran melalui medium e-pembelajaran yang akhirnya membawa kepada masalah-masalah seperti di atas. Sebelum ini, terdapat garis panduan dari segi mengamalkan komunikasi yang baik dan kesantunan berbahasa, namun ia hanya memfokuskan prinsip-prinsip asas dalam mengamalkan kesantunan berbahasa atau penggunaan bahasa yang baik (Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan & Suhaila Zailani@Ahmad, 2019). Cuma konsep, prinsip, dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut kaca mata Islam kurang diketengahkan dalam bentuk penerbitan hitam putih sehingga memungkinkan konsep, strategi dan prinsip ini dapat dijadikan asas dan dasar kajian berkaitan. Terdapat juga cadangan daripada Nauqiah Nahar et al., (2018) bagi membantu peningkatan sahsiah murid dalam arus teknologi iaitu dengan mencadangkan agar mewujudkan garis panduan kepada ibu bapa untuk menangani penggunaan teknologi yang tidak terkawal dalam kalangan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, menurut Nor Musfirah Mohamad (2021), di peringkat institusi pengajian tinggi pula, walaupun telah ada garis panduan sedia ada dan mahasiswa berkelakuan baik ketika berada dalam talian namun begitu mereka masih gagal untuk mengikuti garis panduan sebagai warga digital yang betul. Ini menunjukkan masih terdapat kelompangan dari segi garis panduan sedia ada dalam menjadikan pelajar sebagai warga digital yang berhemah.

Semasa negara dilanda wabak pandemik Covid-19, seluruh institusi pendidikan bergantung sepenuhnya dengan medium teknologi bagi memastikan sistem pendidikan tidak lumpuh. Sebagai panduan kepada guru-guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah yang proaktif dengan mewujudkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2. Ia bertujuan sebagai sumber asas panduan pelaksanaan e-pembelajaran di rumah dan ia telah pun diguna pakai sepanjang tempoh negara dilanda wabak. Bagi memastikan keselarasan pelaksanaan sistem pendidikan negara semasa penutupan sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengeluarkan surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran semasa tempoh kawalan pergerakan akibat penularan Covid-19 bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas sama ada secara dalam talian ataupun luar talian mengikut kesesuaian guru dan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Dalam garis panduan ini, pihak KPM telah menetapkan tiga prinsip asas yang perlu dipertimbangkan iaitu tiada murid tercicir dalam pembelajaran, asas pembelajaran dipenuhi, dan juga kesejahteraan sosioemosi murid diutamakan. Objektif manual pengajaran dan pembelajaran di rumah Versi 2 ialah sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang dan membolehkan murid mengikuti PdPR secara optimum.

Namun begitu, walaupun garis panduan ini telah disediakan, namun berdasarkan kajian literatur yang telah dibuat, masih berlaku lagi masalah keciciran, masalah kekangan dari segi kemudahan yang berpunca daripada keadaan sosioekonomi murid dan akhirnya masih terdapat murid yang tidak aktif semasa e-pembelajaran berlaku di rumah. Sedangkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2020) telah menyediakan dalam garis panduan tersebut 12 peranan guru dan juga pendekatan-pendekatan yang boleh dilaksanakan sama ada secara dalam talian atau luar talian atau secara luar kawasan sekolah (*off-site*).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana guru Pendidikan Islam berperanan dalam pembinaan sahsiah murid melalui pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tanggungjawab membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Daripada dapatan kedua objektif tersebut, pengkaji mencadangkan penambahbaikan kepada Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 dengan membuat perincian kepada aspek peranan guru berdasarkan cabaran dan kesukaran yang dihadapi oleh mereka dalam membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran. Selain itu, kaedah analisis dokumen juga dilakukan untuk menganalisis kajian-kajian lepas iaitu kajian literatur berkenaan penerapan elemen nilai murni dan etika dalam pelaksanaan e-pembelajaran, serta cabarannya. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada jurnal-jurnal serta prosiding yang telah diterbitkan.

Manakala bagi kutipan data lapangan, peserta kajian dipilih secara persampelan bertujuan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Bagi tujuan artikel ini, pengkaji hanya memilih tiga orang guru Pendidikan Islam sebagai informan. Ketiga-tiga informan dalam kajian ini dikodkan sebagai GPI 1, GPI 2, dan GPI 3. Lokasi kajian yang dipilih ialah di tiga buah sekolah rendah yang berasingan.

Sebagai kaedah pengumpulan data, temu bual secara mendalam telah dilakukan bersama ketiga-tiga informan. Satu protokol temu bual secara semi-struktur telah dirangka bagi mendapatkan maklumat daripada informan kajian. Protokol soalan temu bual telah pun disahkan oleh panel penilai sebelum penyelidik menjalankan kajian. Temu bual dijalankan dan direkodkan melalui aplikasi Zoom dan mengambil masa sekitar 45 hingga 60 minit bagi setiap seorang informan untuk memastikan data yang diperolehi mencukupi. Data daripada temu bual kemudiannya telah ditranskripsikan untuk tujuan analisis data. Transkrip telah dibaca berulang kali dan difahami bagi memastikan pengkaji memahami data yang telah dikutip. Setiap kali transkrip dibaca, pengkaji akan mencatat kod yang bersesuaian, atau persoalan yang timbul untuk dikemukakan dalam sesi temu bual seterusnya. Selepas itu, semua data dikodkan dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo versi 1.7 untuk melihat persamaan, perbezaan dan pengulangan idea. Kaedah analisis tematik merupakan salah satu bentuk analisis dalam kajian kualitatif yang bertujuan menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan data. Menurut Taylor dan Bogdan (1998), analisis tematik boleh memberi gambaran berkaitan data yang diperolehi secara terperinci melalui penafsiran yang dilakukan oleh penyelidik sendiri (Taylor & Bogdan, 1998). Justeru, kaedah ini akan membantu memudahkan pengkaji dalam membincangkan dapatan bagi melakukan penambahbaikan kepada garis panduan sedia ada semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan cabaran yang dihadapi oleh mereka semasa pelaksanaan e-pembelajaran.

4. DAPATAN KAJIAN

Hasil temu bual bersama informan-informan kajian mendapati beberapa permasalahan atau cabaran yang dihadapi oleh informan dalam membina sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam yang membawa kepada perlunya ada penambahbaikan kepada garis panduan sedia ada.

Sebagai contoh GPI 1 berkongsi pengalaman beliau tentang murid yang menulis perkataan yang tidak sesuai pada bahagian chat semasa e-pembelajaran berlaku:

“Kadang-kadang tu ada pelajar yang dekat chat, dia cakap dekat kawan dia, “itu pun kau tak tahu, tak belajar ke?” Saya akan tegur “tolong jaga percakapan kamu.” (GPI 1)

Selain itu, tambah GPI 1 lagi, selain daripada perkara di atas, timbul juga isu kebisingan atau gangguan semasa sesi e-pembelajaran dijalankan walaupun peraturan telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, menurut GPI 1, beliau mengambil inisiatif untuk menegur dengan cara yang berhemah:

“Selalunya saya tegur, buka mikrofon bila ada yang nak tanya sabaja, kalau tak ada apa-apa nak tanya tak payah buka unmute lah sebab ada tu yang dia on mikrofon, tapi tak tanya soalan pun, dia macam nak bercerita, jadi masa tu dia mengganggu masa (waktu pembelajaran) kita.” (GPI 1)

Selain isu di atas, GPI 2 pula memaklumkan kesukaran dalam membina sahsiah murid juga disebabkan oleh penglibatan murid yang tidak memberangsangkan.

“Penglibatan murid agak mengecewakan. Cabarannya daripada pihak murid sendiri dan ibu bapa. Tiada penglibatan ibu bapa dalam memastikan anak-anak join (sertai) e-pembelajaran. Kebanyakan ibu bapa di kawasan saya bekerja semuanya.” (GPI 2)

Apabila penglibatan mengecewakan, maka tidak berlaku komunikasi dua hala antara guru-murid sama ada secara *synchronous* atau *asynchronous*. Sedangkan, komunikasi dua hala dalam proses pembelajaran sangat penting. Penglibatan yang tidak aktif serta murid yang tidak mengikut peraturan walaupun telah ditetapkan sebagaimana yang disebut oleh GPI 1 menyebabkan guru tidak dapat melihat secara jelas tingkah laku mereka serta keberadaan mereka semasa e-pembelajaran berlaku. (Siti Nurbaizura et.al, 2020; Ghafiki Farook Abadi, 2015). Tambahan pula, pelaksanaan e-pembelajaran secara *synchronous* atau segerak juga tidak lejang daripada masalah dari segi teknikal apabila berlaku pula gangguan internet yang menyebabkan komunikasi terputus-putus dan seterusnya mengganggu proses belajar (Muhammad Hanif Fahmi, 2020). Sedangkan proses pembinaan sahsiah murid dapat berlaku dengan baik apabila proses komunikasi berjalan lancar antara guru dan murid semasa proses pembelajaran berlaku. Berdasarkan respons GPI 2 berkenaan isu ini yang memberi kesan kepada beliau:

“Murid selalu tak masuk Meet, selalu tak buat kerja. Jadi, inilah masalahnya (masalah komunikasi) bila kita tak nampak murid depan depan kan.” (GPI 1)

Selain itu, menurut GPI 3 timbul juga isu penggunaan internet tanpa kawalan yang mampu membawa pengaruh negatif dalam kalangan pelajar dan ianya menjadi cabaran kepada informan dalam membina sahsiah pelajar.

“Semasa covid tu, Malaysia mencatatkan jumlah tertinggi tengok video-video lucu, jadi saya kerap nasihat dan mengingatkan murid semasa mereka tengah belajar sebab perkara ni merisaukan.” (GPI 3)

Isu-isu yang disebutkan oleh informan-informan di atas menyukarkan usaha guru dalam membina sahsiah murid. Mereka turut memaklumkan yang mereka juga terkesan apabila garis panduan yang diberikan kurang membantu mereka dalam melaksanakan e-pembelajaran sama ada dari aspek teknikal mahupun aspek pembinaan dan penilaian sahsiah murid melalui e-pembelajaran.

Sebagaimana maklum balas yang diberikan oleh GPI 1:

“Kami [Guru-guru] pun terpinga-pinga sebab tak ada pendedahan dan guideline [Garis Panduan] ... lepas tu baru kami [guru-guru] belajar sendiri.” (GPI 1)

Begitu juga menurut GPI 2 bahawa bukan semua GPI mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknologi pendidikan. Beliau menyatakan:

“Macam yang saya cadangkan buatlah modul-modul atau sediakan panduan kepada kami [guru-guru] sebab bukan semua guru mahir guna gadget ni” (GPI 2)

Sedangkan menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2021, para guru didapati telah menguasai Panduan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Seharusnya manual ini sudah mencukupi bagi membantu guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran terutamanya Google Meet, Google Classroom, dan Zoom kerana informan-informan kebanyakan menggunakan aplikasi tersebut dalam e-pembelajaran mereka. Tambahan pula, menurut Yusniza Yusuf dan Khairul Azhar Jamaludin (2022), sepanjang PdPR, timbul isu utama berkaitan dengan disiplin murid yang berlaku berikutan keciciran dalam pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah. Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd Azizee Hasan menjelaskan banyak kesulitan dan kesan pelaksanaan PdPR terhadap tahap pemahaman dan penguasaan murid ke atas satu-satu subjek. Beliau juga menekankan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) contohnya, menerusi pelaksanaan PdP dalam talian didapati pembelajaran secara maya kurang mendapat sambutan dari kalangan murid dengan peratusan kehadiran murid dalam sesi itu

hanya sekitar 20 hingga 30 peratus. Ini menunjukkan minat dan motivasi pelajar untuk turut serta dalam pembelajaran secara maya berada pada tahap yang amat rendah sekali.

Berdasarkan kepada analisis dapatan di atas, maka kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan semula garis panduan manual terutama daripada aspek peranan guru. Hal ini disebabkan kekangan yang dihadapi oleh guru dan murid semasa berkomunikasi yang berkemungkinan disebabkan penggunaan platform e-pembelajaran yang menggunakan internet dan secara dalam talian (tidak bersemuka), atau sebenarnya pengetahuan guru dalam penggunaan teknologi yang kurang.

5. PERBINCANGAN KAJIAN

Perbincangan selanjutnya berkaitan cadangan garis panduan pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 yang telah dibangunkan pada tahun 2021 semasa wabak pandemik dikeluarkan bertujuan membantu guru-guru dalam melaksanakan e-pembelajaran di rumah semasa sesi penutupan sekolah berlaku. Namun, hasil dapatan menunjukkan walaupun telah ada manual tersebut, namun guru-guru masih berhadapan dengan cabaran dari aspek pembinaan sahsiah murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran yang memerlukan penambahbaikan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah tersebut. Oleh itu, garis panduan yang dicadangkan ini adalah merupakan input tambahan kepada garis panduan sedia ada yang diadaptasi daripada Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Antara aspek penting yang ditambah baik adalah dari segi peranan guru kerana kajian ini memfokuskan guru sebagai peserta kajian selain daripada ibu bapa yang turut berperanan dalam pembinaan sahsiah murid. Beberapa input tambahan dicadangkan berdasarkan beberapa isu yang timbul daripada dapatan temu bual informan di atas iaitu, 1) Isu komunikasi guru dalam e-pembelajaran Pendidikan Islam; 2) Isu penggunaan internet dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam; dan 3) Isu jaringan sosial antara guru-murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam.

Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2 (PdPR 2.0) dan Panduan Pelaksanaan Jadual Waktu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui surat rasmi yang bertarikh 2 Februari 2021. Menurut Zainoriza Zainun (2023), Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang diperkenalkan oleh KPM adalah bertujuan agar murid dapat meneruskan sesi pembelajaran walaupun sekolah ditutup semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan manual ini pula bertujuan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah secara berstruktur. Dengan adanya manual ini, ia amat membantu guru dalam susun atur jadual dan pelaksanaan e-pembelajaran di rumah.

Namun begitu, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam tidak dapat dipisahkan dengan pembinaan sahsiah murid. Cadangan garis panduan yang dirangka dalam kajian ini diharap dapat memperincikan dari aspek peranan guru dalam membina sahsiah murid sekolah rendah melalui pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam. Dengan penambahbaikan yang dibuat berdasarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2, garis panduan ini juga boleh diterima pakai di seluruh sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mahupun di peringkat sekolah menengah.

Garis panduan manual pengajaran di rumah versi 2 yang asal hanya mengandungi 12 peranan guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021) iaitu;

- 1) Menyusun semula Rancangan Perancangan Tahunan (RPT) berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan takwim persekolahan yang berkuat kuasa.
- 2) Merancang RPH dan jadual waktu PdPR supaya kandungan kurikulum dapat disampaikan secara optimum.
- 3) Menentukan kaedah penyampaian yang fleksibel mengikut situasi semasa dengan mengambil kira sumber yang ada pada murid.
- 4) Menyediakan bahan PdPR yang mudah didapati, diakses dan bersesuaian dengan kaedah PdPR yang digunakan.
- 5) Memastikan murid mendapat tugas/latihan yang dirancang oleh guru.
- 6) Mengadakan perbincangan dengan guru untuk mengelakkan murid menerima tugas/kerja rumah yang banyak pada satu-satu masa.
- 7) Menetapkan masa perbincangan dengan murid selain waktu PdPR.
- 8) Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti kuiz, tugas/latihan dan projek untuk menentukan pencapaian murid.
- 9) Merekodkan penglibatan murid dalam PdPR menggunakan kaedah yang bersesuaian.
- 10) Melaporkan pelaksanaan PdPR di dalam templat pelaporan yang disediakan.
- 11) Mengadakan perbincangan dengan ibu bapa/penjaga untuk menyokong pembelajaran murid di rumah.
- 12) Memaklumkan ibu bapa/penjaga jika kelas tidak dapat dijalankan seperti yang dijadualkan.

Manakala cadangan garis panduan yang dicadangkan dalam kajian ini bertujuan memperincikan aspek peranan guru bagi memudahkan guru memainkan peranan mereka dalam pembinaan sahsiah murid melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam bukan hanya sekadar mengajar atau memindahkan ilmu pengetahuan sahaja. Hasil daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa perincian dalam aspek peranan guru dibuat dalam tiga perkara besar berdasarkan isu-isu yang timbul semasa pelaksanaan e-pembelajaran iaitu;

5.1. Peranan guru dari aspek komunikasi melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam.

Hasil daripada analisis kajian yang dibuat, didapati 5 elemen yang perlu ada dalam peranan guru semasa berkomunikasi melalui e-pembelajaran iaitu; 1) Muallim, 2) Muaddib, 3) Mudarris, 4) Murabbi, dan 5) Mursyid.

Jadual 1: Peranan guru dari aspek komunikasi melalui e-pembelajaran

Elemen	Penerangan
Muallim	<ul style="list-style-type: none"> Mengaitkan komunikasi dalam e-pembelajaran dengan sumber rujukan utama iaitu al-Quran dan Hadis. Sebagai contoh bacaan atau tayangan ayat al-Quran secara maya menggunakan <i>smart</i> Quran, video-video mengaji al-Quran. Menghubungkan komunikasi dengan pembelajaran kontekstual atau aktiviti seharian murid. Guru berkomunikasi dengan memberikan contoh-contoh aktiviti harian dari gambar-gambar dalam internet atau video-video mengenai amalan seharian. Contohnya, tayangan video dari YouTube dengan pantauan guru.
Muaddib	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan bahasa pertuturan yang baik semasa kelas secara dalam talian seperti Google Meet dan Zoom dan menegur kesalahan murid di bahagian Chat dengan bahasa yang elok. Memasuki kelas dalam talian tepat pada waktunya sebagaimana kelas secara fizikal. Beradab dengan murid dalam bertanyakan murid yang tidak hadir kelas dalam talian.
Mudarris	<ul style="list-style-type: none"> Guru perlu memastikan murid dalam keadaan bersedia sebelum memulakan pembelajaran secara dalam talian seperti Google Meet contohnya dengan membuat tayangan video bagi menarik perhatian murid untuk belajar. Guru perlu memastikan pembelajaran seimbang dan melibatkan murid seperti membenarkan murid membuka suara dan tidak '<i>mute</i>' sepanjang masa bagi memberi laluan kepada mereka bertanya soalan atau memberi pendapat.
Murabbi	<ul style="list-style-type: none"> Guru sentiasa memberi layanan kepada pertanyaan pelajar dan memberi bimbingan kepada pelajar yang lemah melalui talian Telegram atau WhatsApp apabila kelas yang diadakan melalui Google Meet atau Zoom masih kurang jelas. Guru bertimbang rasa dengan situasi murid di rumah yang tidak mempunyai kelengkapan dan prasarana yang lengkap bagi melaksanakan e-pembelajaran. Guru perlu mengelakkan penggunaan kata-kata yang kesat walaupun murid tidak membuka kamera atau video semasa e-pembelajaran dilaksanakan melalui Google Meet.
Mursyid	<ul style="list-style-type: none"> Guru menjadi sumber inspirasi dan juga pencetus motivasi dengan memberi kata-kata pujian sekiranya murid berjaya menghantar tugas melalui Google Classroom, Telegram dan WhatsApp. Sentiasa memberi dorongan kepada pelajar agar mereka mampu menguruskan emosi mereka semasa e-pembelajaran di rumah. Guru perlu mengawal kelas secara berkesan melalui suara yang tegas dan jelas kerana apabila situasi murid berada di rumah, mereka terdedah dengan gangguan seperti kebisingan daripada adik beradik yang lain.

Sumber: Olahan Pengkaji

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji memperincikan peranan guru dari aspek komunikasi berdasarkan 5 elemen tersebut. Seandainya komunikasi semasa e-pembelajaran terganggu, maka penerapan nilai-nilai juga akan terganggu kerana murid tidak dapat mendengar dan melihat apa yang disampaikan oleh guru dengan baik. Perbincangan seterusnya berkenaan peranan guru dari aspek mengatasi penyalahgunaan internet semasa pelaksanaan e-pembelajaran.

5.2. Peranan guru dari aspek mengatasi penyalahgunaan internet semasa pelaksanaan e-pembelajaran.

Jadual 2: Peranan guru dari aspek mengatasi penyalahgunaan internet semasa pelaksanaan e-pembelajaran.

**Peranan Guru
dari Aspek
Mengatasi
Penyalahgunaan
Internet Semasa
Pelaksanaan E-
Pembelajaran.**

- Sentiasa berhubung dan berkomunikasi dengan anak murid berkenaan tugas yang diberikan melalui e-pembelajaran.
- Tidak melaksanakan e-pembelajaran dalam tempoh yang lama sehingga berjam-jam kerana akan menyebabkan murid hilang fokus dan bosan.
- Berinteraksi dengan murid semaksimum yang mungkin melalui medium e-pembelajaran seperti kerap bertanya tentang tugas yang diberikan.
- Sentiasa menasihati murid mengenai kandungan internet yang boleh diakses melalui e-pembelajaran dan kandungan yang tidak sesuai diakses.
- Guru perlu sentiasa peka dengan kemudahan teknologi yang ada sekarang yang terlalu terbuka dan memberikan kemudahan untuk murid saling berhubung antara satu sama lain dengan bebas antara murid lelaki dan perempuan.
- Guru perlu mendidik anak murid seolah-olah mendidik anak mereka sendiri agar segala nasihat yang diberi mudah diterima sebagaimana ibu bapa menasihati anaknya sendiri.
- Sentiasa mengambil berat dan peka dengan situasi murid serta menegur murid dengan baik supaya mereka tidak leka dengan aplikasi-aplikasi gadget terbaharu sehingga meninggalkan pelajaran.
- Guru boleh menjadi pembimbing kepada murid sekiranya murid mengalami masalah dengan e-pembelajaran agar tidak berlaku tekanan atau kemurungan yang boleh membawa kepada tingkah laku negatif.
- Guru perlu sentiasa memantapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang berkaitan teknologi seperti kemahiran pedagogi dan kemahiran profesional seiring dengan perkembangan teknologi semasa serta menyesuaikan dengan latar belakang murid agar tiada murid yang keciciran dalam pelajaran sekali gus memberi kesan kepada aspek sahsiah mereka.

Sumber: Olahan Pengkaji

Selain daripada peranan guru yang disebutkan di atas, ibu bapa juga perlu turut sama-sama memberi sokongan dalam pelaksanaan e-pembelajaran kerana proses pembelajaran murid melalui e-pembelajaran ini juga berlaku di rumah bukan sekadar di dalam kelas. Perbincangan seterusnya ialah berkenaan peranan guru dari aspek mewujudkan jaringan sosial yang baik antara guru-murid dan guru-ibu bapa melalui pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam.

5.3. Peranan guru dari aspek mewujudkan jaringan sosial yang baik antara guru-murid dan guru-ibu bapa melalui pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 3: Peranan guru dalam membina jaringan sosial antara guru-murid dan guru-ibu bapa.

<p>Peranan Guru dalam Membina Jaringan Sosial antara Guru-Murid dan Guru-Ibu Bapa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan interaksi yang maksimum antara kedua belah pihak semasa kelas secara segerak seperti Google Meet dan Zoom • Melibatkan ibu bapa dalam membentuk keperibadian murid di rumah dengan cara menjaga persekitaran murid agar tidak tertekan semasa pembelajaran dalam talian di rumah melalui kelengkapan prasarana dan jaringan internet yang baik. • Menunjukkan komitmen yang jitu dalam mewujudkan hubungan yang baik antara guru-murid dan guru-ibu bapa dengan mengambil berat tentang keadaan murid semasa pembelajaran dalam talian terutama di rumah akibat gangguan kebisingan daripada adik beradik atau perkongsian <i>gadget</i>.
--	--

Sumber: Olahan Pengkaji

Perincian yang diberikan di dalam jadual-jadual di atas lebih jelas dan berfokus berdasarkan isu-isu yang dihadapi oleh para informan berbanding Manual Pengajaran di rumah Versi 2 yang lebih umum kerana fokus yang pengkaji berikan adalah berdasarkan analisis cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh informan-informan semasa pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam.

6. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, cadangan garis panduan pembinaan sahsiah murid sekolah rendah melalui e-pembelajaran Pendidikan Islam dibina sebagai panduan kepada Guru Pendidikan Islam yang sentiasa berusaha memainkan peranan mereka dalam membina sahsiah murid. Cadangan ini bukan sahaja boleh diguna pakai oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah sahaja bahkan ia boleh diguna pakai di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk guru Pendidikan Islam di sekolah menengah. Hal ini kerana, Guru Pendidikan Islam perlu mengorak langkah ke arah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif yang bertujuan membimbing para pelajar mengaplikasikan e-pembelajaran Pendidikan Islam dengan cara yang betul dan berhemah bagi melahirkan generasi yang berkualiti dan seimbang dunia dan akhirat.

Research and Publication Ethics Statement

For this study, data has been gathered with each respondent's prior consent to provide feedback. No names or other personally identifiable information is gathered, so no identities are disclosed in this paper. Based on the information gathered and the defined study objectives, an objective analysis has been made.

Contribution Rates of Authors to the Articles

All authors contributed to the preparation of this paper.

Statement of Interest

The authors declare that they have no conflict of interest.

REFERENCES

- Abdul Bujang, S. D., Selamat, A., Krejcar, O., Maresova, P., & Nguyen, N. T. (2020). Digital learning demand for future education 4.0-Case studies at malaysia education institutions. *Informatics*, 7(2), 13. <https://doi.org/10.3390/informatics7020013>
- Amirul Ashraaf Norman, & Nooraini Othman. (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205-215. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1344>
- Ghafiki Faroek Abadi. (2015). Inovasi pembelajaran pendidikan agama Islam berbasis e-learning. *Tasyri'; Jurnal Tarbiyah dan Syari'ah Islamiyah*, 22(2), 127-138. <https://ejournal.kopertais4.or.id>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah Versi 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohd Amirul Bashah, & Hafizhah Zulkifli. (2022). Isu dan cabaran guru pendidikan Islam dalam penerapan pendidikan digital. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(1), 43–55. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v7i2.173>
- Muhammad Hanif Fahmi. (2020). Komunikasi synchronous dan asynchronous dalam e-learning pada masa pandemik Covid-19. *Jurnal Nomosleca*, 6(2), 146-158. <https://doi.org/10.26905/nomosleca.v6i2.4947>
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, & Abdul Hafiz Abdullah. (2018). Negative impact of modern technology to the children's life and their development. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99. <https://doi.org/10.11113/umran2018.5n1.181>
- Nor Musfirah Mohamad. (2021). Challenges of new norms pedagogy at Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) during Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 243-254. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/71>
- Nur Afni Lubis, & Imelda Wahyuni. (2021). Peran teknologi dalam pembelajaran pendidikan agama Islam di tengah pandemik Covid-19. *An-Nuha*, 1(1), 1-24. <http://annuha.ppi.unp.ac.id/index.php/annuha/index>
- Nur Hidayah Baharudin, & Noor Banu Mahadir Naidu. (2021). The application of the REP Concept of digital citizenship among students in Universiti Pendidikan Sultan Idris as Digital Citizens. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(1), 30–44. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.1.4.2021>
- Siti Nurbaizura Che Azizan, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Suriana Che Awang, & Khadijah Alavi. (2019). Cyber bully: Emotional impact among UKM students. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 1(4), 83-94. <https://doi.org/10.46754/umtjur.v1i4.95>
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdspd/article/view/17461>
- Taylor, & Robert Bogdan. (1998). *Introduction to qualitative research methods: A guidebook and resource*. United States: Wiley.
- Wan Siti Fatimatul Akmal W. Hassan, & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2019). Strategi dan panduan kesantunan bahasa menurut perspektif Islam. *Islamiyyat*, 41(1), 117-124. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-14>
- Yusniza Yusuf, & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Cabaran perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, ibu bapa dan murid semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 120-133. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdspd/article/view/19284>
- Zainoriza Zainun. (2023). The dilemma of home-based learning and teaching (PdPR). *Malaysian Journal of Action Research*, 1(1), 122-127. <https://doi.org/10.61388/mjar.v1i1.10>